

TATACARA PEROLEHAN PERALATAN ICT SEKOLAH HARIAN

1.0 PUNCA KUASA

Bagi Perolehan ICT, pihak sekolah dibenarkan membuat perolehan peralatan ICT dengan mendapatkan kelulusan teknikal daripada Jawatankuasa Pemandu ICT Jabatan Pendidikan Negeri Perak (JPICT-JPN) serta mematuhi surat pekeliling/ tatacara/ garis panduan yang sedang berkuatkuasa.

i) Surat Pekeliling Kewangan Bil. 8 Tahun 2012

Garis Panduan Pengurusan Kewangan Peruntukan Bantuan Persekolahan Ke Sekolah Berdasarkan Per Kapita Dan Enrolmen Murid.

ii) Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah Edisi 2012

iii) Surat Pekeliling ICT KPM Bil. 1 Tahun 2016

Garis Panduan Tatacara Permohonan Kelulusan Teknikal Inisiatif Teknologi Maklumat dan Komunikasi Kementerian Pendidikan Malaysia

2.0 PEROLEHAN HARTA MODAL MENGGUNAKAN PERUNTUKAN PCG

Perolehan harta modal **dibenarkan** tetapi hendaklah dibincangkan dan dipersetujui oleh Ketua Bidang atau Ketua Panitia dan diluluskan oleh Pengurus Sekolah. Pembelian hendaklah mematuhi peraturan di bawah :-

i) Sekolah Rendah: Tidak melebihi RM5,000 atau 30% daripada keseluruhan PCG Mata pelajaran dan PCG Bukan Mata Pelajaran (Tidak termasuk komponen LPBT/LPK Sekolah mana yang lebih rendah

ii) Sekolah Menengah : RM10,000 atau 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Mata Pelajaran dan PCG Bukan Mata Pelajaran (Tidak termasuk komponen LPBT/LPK Sekolah)

iii) Sekolah Kurang Murid (Rendah/Menengah: Tidak melebihi 30% daripada keseluruhan peruntukan PCG Mata Pelajaran dan PCG Bukan Mata Pelajaran

Perolehan Harta Modal yang **melebihi kadar yang ditetapkan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pusat Tanggungjawab** (Ketua PTJ) - rujuk Buku Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah Edisi 2012.

TATACARA PEROLEHAN PERALATAN ICT SEKOLAH HARIAN

3.0 PEROLEHAN HARTA MODAL MENGGUNAKAN LPBT/LPK SEKOLAH

Perolehan harta modal (**kecuali alat pendingin udara dan peralatan ICT**) dengan nilai keseluruhan peruntukan LPBT/LPK Sekolah yang digunakan **tidak melebihi RM5,000 setahun**.

4.0 PEROLEHAN HARTA MODAL MENGGUNAKAN LPBT/LPK ASRAMA

Perolehan harta modal **tidak melebihi 5%** daripada jumlah keseluruhan peruntukan LPBT/LPK Asrama setahun.

5.0 PEROLEHAN ICT MENGGUNAKAN KUMPULAN WANG SUWA/ ASRAMA

Pengurus Sekolah **dibenarkan** menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang SUWA atau Kumpulan Wang Asrama (**tidak termasuk peruntukan daripada kerajaan**) untuk membuat perolehan peralatan ICT dengan mendapatkan **kelulusan Ketua PTJ sebelum perolehan dilakukan** - rujuk Tatacara Pengurusan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah Edisi 2012.

Prosedur menggunakan peruntukan SUWA/ Asrama :

- i) Permohonan kelulusan menggunakan peruntukan **SUWA / Asrama** perlu dihantar ke Unit Akaun Sekolah JPN beserta borang Penggunaan Peruntukan Sewa Kantin/ Pelbagai (**Borang PPKP**)
- ii) Setelah mendapat kelulusan dari Unit Akaun Sekolah, pihak sekolah perlu memohon kelulusan teknikal dari Jawatankuasa Pemandu ICT JPN beserta borang permohonan JPICT (**Borang JPICT-JPN**)

6.0 SEKOLAH YANG TELAH MEMBUAT PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

Arahan Perbendaharaan 92(b) – Tanggungjawab bagi perbelanjaan yang tidak dibenarkan iaitu seseorang pegawai yang membenarkan atau mengarahkan sesuatu perbelanjaan tanpa kuasa yang sepatutnya akan dipertanggungjawab sendiri (termasuk membayar balik) bagi jumlah yang dibelanjakan.